

24/02/2001

Azmin enggan bersumpah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ketua Perhubungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Selangor, Azmin Ali enggan menyahut cabaran Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib supaya bersumpah di dalam masjid bagi menafikan mereka tidak pernah membuat perbincangan politik di depan Kaabah.

Azmin, ketika dihubungi hari ini berkata, kebenaran atau pembohongan tidak dapat dinilai dengan hanya bersumpah dalam masjid atau menjunjung Al-Quran.

"Saya tidak akan ikut saranan Muhammad kerana dia bukan mempunyai kewibawaan untuk bercakap mengenai Islam. Bersumpah atas nama Al-Quran bukan satu budaya Islam tetapi budaya Melayu di Malaysia bagi membuktikan kebenaran," katanya.

Kelmarin, Muhammad menafikan beliau pernah berjumpa Azmin di hadapan Kaabah dan membincang isu politik termasuk perihal Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ini, Azmin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang, membuat dakwaan bertemu dengan Muhammad yang didakwa memburuk-burukkan kerajaan dan Dr Mahathir di hadapan Kaabah.

Berikutan itu, Muhammad membuat kenyataan mencabar Azmin untuk bersamanya bersumpah dalam masjid bagi menafikan dakwaan itu.

(END)